

TARIKH	12 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	US	RUANGAN	News

Hasrat tiga beranak tercapai

Dapat menunaikan rukun Islam ke lima bersama ibu dan ayahnya

ALOR SETAR - Hasrat seorang pembantu am pejabat untuk menjalankan haji bersama ibu bapanya terlaksana setelah membuat empat kali rayuan.

Muhamad Naaim Ibni Hajar, 28, berkata, hasratnya untuk menunaikan haji bersama orang tuanya adalah untuk membantu bapanya, Ibni Hajar Saad, 73, menunaikan rukun Islam kelima dengan sempurna kerana bapanya mengalami masalah pada lutut.

Menurutnya, mereka mula mendaftar dengan "Tabung Haji" pada 2006 setelah bapanya meluahkan hasrat untuk mengerjakan haji bersama-sama dan mula membuat rayuan sejak 2008 agar mereka dapat menjadi tetamu ALLAH bersama-sama.

"Pada 2010 saya dan ibu, Aishah Ismail, 57, sahaja yang diterima dan kami terpaksa menolaknya kerana bapa saya tidak dapat tawaran itu."

"Pada awal tahun ini hanya bapa sahaja yang da-



MUHAMAD NAAIM



IBNI HAJAR



Dari kanan: Sharifah Maznah, Ahmad Bashah bersempang dengan ibu bapa Muhamad Naaim.

pat. Kemudian saya dan ibu membuat rayuan, syukur Alhamdulillah pada 3 Syawal yang lalu, kami menerima surat memaklumkan rayuan diterima," katanya ketika ditemui pada Majlis Bacaan Yasin dan Penyampaian Sumbangan Kepada Jemaah Haji Parliment Alor Setar.

Majlis penyampaian kepada jemaah lelaki dibuat Pengurus Badan Perhubungan Umno Kedah, Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah, manakala jemaah wanita menerima sumbangan yang disampaikan Ketua

Wanita Umno Ketua Wanita UMNO Bahagian Alor Setar, Sharifah Maznah Syed Kassim.

Muhamad Naaim berkata, berdasarkan pengalaman di sana sewaktu mengerjakan umrah Mac tahun lalu, diharap dapat membantu ibu bapanya mengerjakan haji dengan sempurna dan memperoleh haji mabru.

Dia berkata, mereka kini sedang melakukan persiapan untuk berangkat ke sana walaupun masih menunggu tarikh penerbangan.

Bagi Ibni Hajar, dia ber-

harap dan berdoa agar mereka tiga beranak dapat menunaikan haji dengan sempurna dan memperoleh haji mabru.

Sementara itu, Ahmad Bashah berkata, sumbangan yang disampaikan itu diadakan setiap tahun sebagai persediaan kepada jemaah ber-

angkat ke Tanah Suci.

Menurutnya, sumbangan berupa kain ihram kepada jemaah lelaki dan kain telekung kepada jemaah wanita diharap dapat digunakan oleh jemaah sewaktu menunaikan haji nanti.

"Kita tahu jemaah haji sudah membuat persiapan se-

cukupnya, namun pemberian ini dilakukan sebagai tanda ingatan dan penghargaan kepada mereka.

"Saya juga menasihatkan kepada jemaah haji agar sentiasa menjaga kesihatan mereka dan mengikut arahan yang dikeluarkan oleh pihak Tabung Haji," katanya.